

# 20 acara menarik sempena Tamu Gadang UMSKAL 2014

UG 13.11.2014 B4

LABUAN: Sebanyak 20 acara akan diadakan pada program Tamu Gadang sempena Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-16 2014 peringkat UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada 14-16 November ini.

Penolong Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Pelajar Fazdli Sarudi berkata, acara itu termasuk pertandingan bercerita, bola tampar pantai dan pertandingan nasyid yang diadakan pada Jumaat ini.

Sementara pada hari Sabtu bermula jam 8 pagi akan diadakan pertandingan mewarna, public speaking, memancing, selfie, bolatampar pantai, mari mencuba kayak, kempen kesihatan, melastik, menjala, mari mencuba golf, karaoke dan clash of bands.

"Pertandingan styalista si comel, tarik tali dan bercerita akan diadakan pada hari Ahad juga bermula jam 8 pagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemubual oleh penyampai radio Labuan FM, Rafeah Haji Ibrahim di Jabatan Penyiaran Labuan, Jalan Tanjung Taras, kelmarin.

Turut ditemubual ialah Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan Prof Madya Dr Syed Nasirin dan Pengarah Jabatan Pelancongan Perbadanan Labuan Mahathir Abd Hamid.

Fazdli yang mewakili Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik mengalu-alukan penyertaan orang ramai khususnya warga Wilayah



**RAFEAH bergambar kenangan dengan Syed Nasirin (kiri), Fazdli dan Mahathir (kanan) selepas ditemubual secara eksklusif di Labuan FM.**

Persekutuan Labuan pada hujung minggu ini.

"Selama tiga hari itu akan diadakan gerai jualan seperti makanan, minuman dan pakaian serta peralatan telekomunikasi," katanya.

Sementara itu, Majlis Perarakan Berjubah Graduan akan bermula jam 8 pagi dari Bangunan Perpustakaan Awam, Menara Perbadanan Labuan menuju ke Dataran Labuan.

Mahathir berkata, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Datuk MohdNadzriOsmandanNaib Canselor UMS ProfDatuk Dr Mohd Harun Abdullah akan menandatangani pernyataan majlis yang sebelum itu dibaca oleh Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam.

Selepas itu akan diadakan majlis penyerahan kunci dan sijil kepada graduan yang akan disaksikan oleh Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan Datuk Yunus Korus dan Pendaftar UMS Datuk

Abdullah Mohd Said.

Syed Nasirin berkata, majlis itu akan dimeriahkan dengan nyanyian Wind Orchestra dari Sekolah Menengah Sains Labuan yang menjanjikan persembahan yang menarik.

Sehubungan itu, beliau menjemput orang ramai untuk menyaksikan Majlis Perarakan Berjubah Graduan 2014 yang hanya dilaksanakan oleh UMS.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Perbadanan Labuan, jabatan dan agensi kerajaan termasuk Jabatan Penerangan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Pertahanan Awam dan PDRM IPK Labuan yang turut menjayakan majlis berkenaan.

Mereka yang berminat untuk mendapatkan keterangan lanjut boleh menghubungi 087-460409 dan 466771 pada waktu pejabat atau datang ke Pejabat HEP Tingkat 2, Bangunan Menara UMSKAL.